



## KEROSAKAN BERFIKIR ATEISME

Baru-baru ini kecoh seketika di media sosial apabila tular berita mengenai kewujudan Kelab Atheist Republic Kuala Lumpur yang mengadakan perhimpunan tahunannya di ibu kota yang dikatakan dihadiri oleh Ateis (golongan yang tidak percayakan Tuhan) dari pelbagai kalangan. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, ketika ditanya tentang perkara tersebut menjelaskan yang kerajaan akan menyasiat jika terdapat umat Islam menyertai kelab tersebut. "Jika ada bukti penglibatan umat Islam dan ternyata perbuatan itu menjejaskan akidah, tindakan boleh diambil Jabatan Agama Islam setiap negeri atau Jawi. Saya akan minta Jawi untuk melihat perkara ini dengan lebih terperinci" katanya sebagaimana dilaporkan oleh media. Bagaimana pun, netizen telah banyak mendedahkan yang terdapat ramai Melayu (Muslim) yang telah menjadi Ateis, walaupun setakat ini tiada apa-apa bukti atau sesiapa yang tampil membuat pengakuan. Setakat ini juga tiada apa-apa tindakan lanjut daripada kerajaan terhadap kes ini walaupun kerajaan kononnya memandang serius perkara ini dan tindakan tegas akan diambil ke atas umat Islam yang terlibat.

### Ateisme Dan Bukti Kewujudan Allah

Menurut definisi Wikipedia, ateisme adalah sebuah pandangan falsafah yang tidak mempercayai keberadaan Tuhan dan dewa-dewa ataupun penolakan terhadap teisme. Dalam pengertian yang paling luas, ia adalah ketiadaan kepercayaan pada keberadaan dewa atau Tuhan. Istilah ateisme berasal dari Bahasa Yunani *ἄθεός* (*átheos*), yang secara khusus digunakan untuk merujuk pada siapa pun yang kepercayaannya bertentangan dengan agama.

Selain wujudnya golongan yang langsung tidak mempercayai adanya Tuhan, ramai orang di muka bumi ini, terutama di dunia Barat, yang meyakini dan mengimani adanya Tuhan, tetapi keyakinan dan keimanan mereka ini didasarkan pada suatu anggapan bahawa Tuhan itu hanyalah sekadar gagasan, bukan fakta nyata (*real*). Mereka beranggapan bahawa percaya pada "Tuhan" bermaksud mempercayai "idea ketuhanan", suatu idea yang mereka anggap bagus. Ini kerana, selama seseorang berkhayal tentang idea tersebut, meyakini dan mengikuti khayalannya, dia akan terdorong untuk menjauhi keburukan dan mengerjakan kebaikan. Hal ini, menurut mereka, merupakan dorongan daripada dalam yang pengaruhnya lebih kuat dibandingkan dorongan daripada luar.

Atas dasar itu, mereka beranggapan bahawa "keimanan" semacam ini mesti digalakkan agar manusia dengan sukarela tetap terdorong melakukan kebajikan dengan dorongan daripada dalam dirinya, yang mereka namakan sebagai "kawalan agama". Orang-orang yang berpandangan seperti ini sebenarnya sangat mudah terjerumus ke dalam ateisme atau murtad daripada sesuatu yang mereka yakini. Tatkala akal mereka mulai berfikir dan cuba menjangkau hakikat Tuhan yang mereka khayalkan, tetapi tidak mampu menjangkaunya atau menjangkau tanda-tandanya, maka mereka dengan segera mengingkari kewujudan Tuhan dan kufur kepada Allah SWT. Lebih buruk lagi, keyakinan bahawa Tuhan itu hanyalah gagasan, bukan *real*, juga menyebabkan perbuatan baik dan buruk hanya sekadar idea, bukan *real*. Akibatnya, seseorang akan mengerjakan atau menjauhi suatu perbuatan, menurut kadar khayalannya tentang idea kebaikan dan keburukan tersebut.

Penyebab mereka memiliki keyakinan semacam itu adalah kerana mereka tidak menggunakan akal rasional mereka untuk mencapai keimanan kepada Allah. Mereka tidak berusaha menghuraikan secara rasional akan *uqdah al-kubra* (simpulan besar) yang ada pada diri mereka dan setiap manusia, iaitu pertanyaan tentang alam semesta, manusia dan kehidupan; tentang apa yang ada sebelum dan sesudah kehidupan dunia, serta keterkaitan ketiganya (alam semesta, manusia dan kehidupan) dengan apa yang ada sebelum dan sesudah kehidupan. Mereka hanya mendapatkan penyelesaian yang telah diberikan oleh pendahulu mereka yang telah rosak cara berfikirnya, yang meletakkan agama sebagai suatu yang tidak masuk akal (tidak rasional). Akhirnya mereka berhenti di situ tanpa berfikir lebih jauh.

Padahal Allah merupakan Zat yang hakiki (nyata ada), bukan sekadar khayalan. Kewujudannya dapat dijangkau dan diindera, meski pun mustahil untuk menjangkau dan melihat Zatnya. Setiap manusia mempunyai pancaindera yang boleh (dan mesti) digunakan untuk mencapai keimanan kepada Allah SWT. Seorang Arab Badwi pernah ditanya tentang bagaimana dia mempercayai kewujudan Allah, lalu dia menjawab, "Adanya tahi unta menunjukkan adanya unta". Jawapan yang cukup ringkas ini membawa suatu konotasi keimanan dan jalan mencapai keimanan yang cukup mudah dan

rasional. Walaupun seseorang tidak melihat adanya unta di suatu tempat, namun sekiranya ia melihat adanya tahi unta di situ, itu bermakna "wujudnya" unta, meskipun ia tidak melihatnya. Ini kerana mustahil tahi unta tersebut boleh wujud secara sendiri di situ, tanpa ada yang "menghasilkannya". Begitulah mustahilnya alam semesta yang begitu luas, indah dan teratur, wujud dengan sendiri, sebagaimana mustahil wujudnya manusia dan kehidupan ini secara sendiri tanpa ada Penciptanya.

Justeru, analoginya cukup mudah untuk seseorang meyakini kewujudan sesuatu tanpa memerlukan tahap pendidikan yang tinggi untuk berbuat demikian. Jika anda mendengar bunyi kapal terbang di angkasa, sudah tentu anda yakin bahawa adanya kapal terbang walaupun anda tidak mendongak ke langit atau tidak dapat melihatnya kerana diliputi awan. Malah orang buta sekalipun akan yakin adanya kapal terbang di angkasa hanya dengan mendengar bunyinya. Dengan kata lain, melalui pancaindera yang ada pada manusia yang boleh mendengar bunyi sesebuah pesawat, dia dapat menjangkau adanya pesawat tersebut, meski pun tidak dapat melihat, menyentuhnya atau tidak mampu mengindera zatnya. Dia akan meyakini keberadaan pesawat tersebut hanya dengan mendengar bunyinya. Dia bukan hanya mempercayai, malah akan yakin dengan seratus peratus akan kewujudan pesawat tersebut dan bukannya satu khayalan.

Begitulah juga dengan keyakinan mana-mana manusia pun, termasuk ateis, akan kewujudan udara walaupun tidak dapat melihatnya, mencium baunya atau meraba zatnya. Sama seperti keyakinan manusia akan wujudnya gelombang walaupun tidak dapat melihat, mendengar atau merasainya. Kewujudannya itu dapat dijangkau oleh akal manusia. Begitu juga dengan kewujudan graviti yang walaupun tidak dapat dilihat atau diraba oleh manusia, tetapi setiap manusia meyakini dengan seratus peratus akan kewujudannya. Ringkasnya, zat apa pun yang tidak dapat dilihat, dicitum atau dirasa, bukan bermakna zat itu tidak ada sehingga kita kena menafikan kewujudannya. Menafikan kewujudan perkara tersebut bukan sahaja menyalahi fakta dan tidak rasional, tetapi jelas merupakan suatu cara berfikir yang rosak dan tidak dapat diterima oleh akal yang waras.

## Sifat Azali vs Sifat Terbatas

Selain boleh membuktikan kewujudan Allah dengan cara di atas, kita juga tidak boleh menafikan sama sekali akan kewujudan Allah apabila melihat kepada sifat alam semesta, manusia dan kehidupan ini yang serba terbatas dan memerlukan satu sama lain serta bergantung kepada yang lain. Hal ini juga boleh disaksikan atau diindera oleh manusia. Selain itu, alam jagat dan manusia ini wujud dalam keadaan yang cukup sempurna dan teratur (dan memerlukan peraturan), yang semuanya mustahil wujud tanpa Pencipta. Akal yang rasional sudah pasti mengakui bahawa apa sahaja yang memerlukan kepada yang lain, maka ia tidak bersifat azali (ada dengan sendirinya, tidak berawal dan tidak berakhir). Sebab, ketika ia bersifat azali, maka ia tidak akan memerlukan pada yang lain.

Dengan demikian, merupakan sesuatu yang pasti, bahawa segala yang tidak azali merupakan makhluk. Manusia sebagai contoh, memerlukan udara, air dan makanan untuk hidup. Itupun, ia hanya akan hidup sampai suatu batas tertentu sahaja dan akan mati, suatu hakikat yang ia tidak dapat tolak atau lawan. Setelah mati, ia tidak dapat menghidupkan dirinya sendiri dan tidak ada mana-mana manusia, bagaimana hebat pun ia, yang dapat menghidupkannya kembali. Ini kerana manusia itu bersifat terbatas dan manusia bukannya Pencipta kehidupan. Oleh kerana ia bukan Pencipta, maka sudah tidak ada kemungkinan lain lagi kerana apa yang wujud di alam raya ini hanya ada dua sahaja, sama ada Pencipta (*al-Khaliq*) atau yang dicipta (makhluk). Jika ia bukan Pencipta, sudah pasti ia adalah yang dicipta dan begitulah sebaliknya. Segala sesuatu yang bersifat terbatas merupakan sesuatu yang dicipta (makhluk), yang bermaksud ada Zat lain yang menciptakannya dan menetapkan keterbatasannya.

Penginderaan terhadap sesuatu yang dicipta (makhluk) sama dengan penginderaan terhadap bunyi kapal terbang tadi, yang merupakan sesuatu yang pasti dan tidak boleh dimungkiri sama sekali (kewujudannya). Jadi, adanya Sang Pencipta yang menciptakan seluruh makhluk (ciptaan)Nya, laksana keberadaan pesawat yang mengeluarkan bunyi, yang dapat diindera akan kewujudannya. Dengan kata lain, keberadaan *al-Khaliq* dapat dibuktikan dengan penginderaan kita terhadap seluruh makhlukNya. Hal ini (kewujudan *al-Khaliq*) merupakan suatu yang boleh dijangkau oleh manusia dengan inderanya dan bukan sekadar satu idea atau khayalan dalam benaknya.

Secara rasional, *al-Khaliq* (Zat yang Maha Pencipta) itu wajib bersifat azali. Ini kerana, jika Dia tidak bersifat azali, Dia tentu dicipta oleh yang lain dan tentu memerlukan pada yang lain (untuk wujud dan terus hidup). Jika demikian, bererti Dia juga adalah makhluk (bukan Pencipta) dan hal ini adalah sifat mustahil bagi Pencipta. Suatu hal yang juga mustahil bagi Pencipta ialah untuk mencipta diri sendiri, kerana jika ia mencipta diri sendiri, Dia adalah *al-Khaliq* dan *al-makhluk* sekaligus dan hal ini memang mustahil. Maka, tidak ada kemungkinan yang lain bagi *al-Khaliq* kecuali Dia bersifat azali (ada dengan sendirinya, tidak berawal dan tidak berakhir) dan juga qadim (Maha Dahulu dan tidak ada yang Mendahului). Dialah Allah Azza wa Jalla. Oleh yang demikian, segala sesuatu selain Allah hanya merupakan makhluk (yang dicipta)Nya, dan *al-makhluk* itu bukanlah sesuatu yang wujud dengan sendiri atau tiba-tiba tanpa ada Pencipta. Dengan demikian, Allah adalah Zat yang nyata ada, yang dapat dijangkau kewujudannya oleh pancaindera manusia melalui keberadaan makhluk-makhlukNya.

## Metode Ilmiah vs Metode Rasional

Kesalahan utama golongan ateis ialah apabila mereka gagal memahami hakikat atau fakta akal dengan betul yang menyebabkan mereka gagal berfikir dengan betul. Mereka menggunakan metode ilmiah (*scientific methode*) dan bukannya metode rasional (*rational methode*) dalam berfikir dan membuat kesimpulan mengenai setiap sesuatu sehingga terjerumus ke lembah kesesatan dan kekeliruan.

Metode ilmiah mementingkan eksperimen atau percubaan sedangkan eksperimen itu sendiri tidak akan boleh dilakukan kecuali pada benda yang bersifat material. Ujikaji atau penelitian terhadap benda material tentu berbeza dan tidak boleh disamakan dengan penelitian terhadap perkara yang bersifat non-material. Mengaplikasikan metode ilmiah pada sesuatu yang non-material adalah sebuah kesalahan yang sangat fatal. Tindakan seperti ini secara automatik akan menimbulkan kesalahan dan kekeliruan.

Itulah yang terjadi pada para pemikir Barat dalam pelbagai wilayah pengkajian rasional, yakni mengaplikasikan *scientific methode* pada hal yang sepatutnya dikaji secara *rational methode*. Akibatnya, mereka gagal berfikir dengan benar dan sering tersasar daripada pemikiran yang benar. Persoalan mengenai kewujudan Allah dan banyak persoalan lainnya yang bersifat "pemikiran" hendaklah dilakukan dengan *rational methode* dan bukannya *scientific methode*. Perlu difahami bahawa *scientific methode* bukanlah sama sekali tidak boleh digunakan, tetapi ia tidak boleh dijadikan asas untuk berfikir atau untuk membuktikan pemikiran atau sesuatu yang bersifat non-material. Inilah kesalahan fatal golongan ateis dan hal ini perlu diselesaikan terlebih dahulu dengan mereka dalam membahaskan kewujudan Sang Pencipta.

Jika kita gagal meyakinkan mereka atau jika mereka tetap menolak kewujudan *al-Khaliq* setelah meyakinkannya, maka perbincangan seterusnya tidak bermakna apa-apa, kecuali jika mereka masih sanggup untuk berfikir. Setelah mereka meyakini kewujudan Pencipta (Allah), maka barulah kita boleh beralih kepada perbincangan-perbincangan seterusnya mengenai kebenaran agama, yakni agama manakah yang benar; agama apakah yang Allah SWT wajibkan ke atas manusia untuk dianuti; adakah Allah membenarkan manusia memilih mana-mana agama mengikut kehendak manusia sendiri; bagaimanakah cara manusia menyembah Allah, adakah Allah membenarkan diriNya disyirikkan dan seterusnya. Selain itu, kita juga mesti membincangkan dan membuktikan hakikat al-Quran kepada mereka, dari segi apakah al-Quran itu Kalamullah atau bukan. Ini kerana, setelah kita berjaya membuktikan dalil aqli wujudnya Allah, maka barulah kita boleh beralih kepada dalil naqli (apa yang terdapat dalam al-Quran) dalam rangka meyakinkan mereka terhadap perintah dan larangan Allah yang wajib dipatuhi oleh manusia sebagai makhlukNya.

Perbincangan penting seterusnya ialah berkenaan *qadha' wal qadar* yang perlu diberi kefahaman yang benar kepada golongan ini. Ini kerana, kesalahan dan kekeliruan mereka dalam memahami *qadha' wal qadar* ialah antara yang menjadi penyebab mereka tergelincir dalam masalah akidah sehingga ke tahap "menyalahkan" Allah atas kezaliman yang berlaku di dunia dan apa jua keburukan yang menimpa manusia, sedangkan Maha Suci Allah daripada sifat-sifat zalim. Setelah berjaya menjernihkan kesemua persoalan akidah yang penting ini, maka barulah boleh diteruskan kepada perbincangan mengenai syariat dan lain-lain, setelah sebelumnya kita mengajak mereka memeluk Islam atau kembali kepada agama Islam (bagi yang telah murtad).

## Khatimah

Sesungguhnya kewujudan golongan ateis atau Muslim yang murtad dan menjadi ateis tidak dapat dipisahkan dengan sistem yang diterapkan ke atas mereka oleh negara. Negara komunis memaksa ideologi komunisme yang tidak percayakan Tuhan ke atas penduduknya. Manakala negara kapitalis Barat menerapkan ideologi Kapitalisme yang bertunjangkan kebebasan tanpa batas ke atas penduduknya, menyebabkan penduduknya bebas memilih untuk beragama atau tidak. Begitu juga dengan negara umat Islam yang rata-ratanya menerapkan sistem demokrasi yang memberikan kebebasan kepada penduduknya dan negara pula tidak menjaga akidah umat Islam sebagaimana dituntut oleh Islam. Inilah yang menyebabkan akidah umat Islam menjadi rapuh dan menyuburkan fahaman ateism yang sesat lagi menyesatkan ini. *Wallahu a'lam*.